

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Jabatan Bendahari UUM -BEND
Sent: Isnin, 27 Mac 2017 8:20 pg
To: UUM - All Staff
Cc: Amron B Man; Mazidah binti Samsudin
Subject: PROGRAM RIADAH JABATAN BENDAHARI: MENELUSURI FLORA & FAUNA DI RIMBA HIJAU



27 MAC 2017 (ISNIN)| 28 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Menelusuri **flora&fauna** *Di Rimba Hijau*

23 Mac 2017 (Khamis), Jabatan Bendahari dengan kerjasama Kelab Kebajikan dan Rekreasi Jabatan Bendahari (KKRB) telah menganjurkan program riadah "Menelusuri Flora & Fauna Di Rimba Hijau" yang diketuai oleh Pengerusi KKRB iaitu Pn. Mazidah Samsudin. Program riadah ini juga turut disertai oleh Tn. Bendahari iaitu Tn. Hj. Amron Man bersama pegawai-pegawai kanan serta 40 orang staf di Jabatan Bendahari dengan diiringi oleh 4 orang juru pandu dari Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP).

Keindahan flora dan fauna yang tersembunyi di Hutan Sintok merupakan khazanah berharga universiti yang patut diterokai oleh semua staf UUM. Program ini dimulai dengan melihat keunikan pokok tiga (3) beradik yang berusia ratusan tahun. Program diteruskan dengan pendakian dan menuruni bukit sehingga ke tapak semaian. Kemudian perjalanan diteruskan hingga ke Tasik Sintok untuk menikmati keindahan alam dan program ini diakhiri dengan makan tengah hari secara santai di kawasan tasik tersebut.

Para peserta program amat berharap agar aktiviti seumpama ini diteruskan pada masa akan datang kerana program seperti ini ternyata dapat mengeratkan silaturrahim sesama staf. Ia juga dapat menunjukkan sifat tanggungjawab dan kerjasama serta merehatkan minda masing-masing disamping tugas-tugas seharian di pejabat.



Sekian.

<https://www.facebook.com/UumBursary>

<http://bendahari.uum.edu.my/>

"Melestarikan Kewangan Universiti"



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.